

---

**SURAT PEKELILING BAHAGIAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2012**

---

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Semua Pengarah Hospital  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**PEWUJUDAN KOD HASIL BARU BAGI BAYARAN PERKHIDMATAN PERUBATAN,  
KESIHATAN DAN PERGIGIAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan pewujudan dan pelaksanaan kod hasil baru bagi bayaran perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2004 mengenai Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan, hanyalah terdapat tujuh kod hasil sahaja pada masa ini yang boleh digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengakaunkan kutipan hasil bagi bayaran perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian. Kod-kod tersebut ialah seperti berikut:-

72110 : Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan dan Pergigian Untuk Pesakit Luar – Warganegara Malaysia

72111 : Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan dan Pergigian Untuk Pesakit Luar – Warganegara Asing

- 72112 : Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan dan Pergigian Untuk Pesakit Dalam – Warganegara Malaysia
- 72113 : Bayaran Perkhidmatan Perubatan, Kesihatan dan Pergigian Untuk Pesakit Dalam – Warganegara Asing
- 72114 : Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Malaysia
- 72115 : Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh – Warganegara Asing
- 72199 : Bayaran Iktisas Lain

2.2 Penetapan kod hasil tersebut didapati terlalu umum dan telah menyebabkan kesukaran untuk menentukan punca kutipan dan tunggakan hasil dan seterusnya kesukaran untuk mengawal dan memantau kutipan dan tunggakan hasil perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian di KKM. Bagi meningkatkan lagi pemantauan yang lebih berkesan terhadap kutipan dan tunggakan hasil di KKM serta mengenalpasti dengan lebih tepat langkah-langkah untuk mengurangkan tunggakan hasil, maka Kementerian ini telah membuat permohonan kepada Perbendaharaan untuk mewujudkan kod hasil yang lebih spesifik bagi digunakan dalam pengebilan dan perakaunan kutipan hasil.

2.3 Perbendaharaan melalui suratnya bil. KK/BPKS/10/700-2/1/3(86) bertarikh 28 Disember 2011 telah bersetuju dengan permohonan Kementerian bagi mewujudkan sebanyak 41 kod hasil baru seperti di **Lampiran A** yang menggantikan kod hasil sedia ada. Kod-kod hasil tersebut telahpun diwujudkan dalam Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (GFMAS) di Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk kegunaan KKM mulai tahun 2012.

### 3. PELAKSANAAN

3.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat dalam kutipan hasil bagi bayaran perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian adalah dikehendaki untuk menggunakan kod-kod hasil baru tersebut dalam sistem pengebilan dan perakaunan terimaan hasil. Setiap PTJ dikehendaki memberi perhatian

sepenuhnya dan menggunakan kod yang betul untuk merekod kutipan hasil dan tunggakan. Sehubungan itu, semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri dipohon untuk menyampaikan maklumat ini kepada semua hospital, klinik dan peringkat organisasi di bawah seliaan negeri masing-masing.


- 3.2 Objektif utama pewujudan kod hasil baru yang lebih spesifik ini adalah untuk menghasilkan laporan terimaan dan tunggakan hasil bayaran perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian yang lebih tepat dan terperinci. Walau bagaimanapun, sekiranya PTJ yang terlibat tidak menggunakan kod-kod baru yang telah diwujudkan dengan tepatnya, maka pelaksanaan kod-kod baru tersebut tidak akan mencapai objektif dan tujuan pewujudannya. Oleh yang demikian, kerjasama daripada semua pihak adalah dipohon bagi memastikan objektif pewujudan kod hasil yang baru ini tercapai.
- 3.3 Semua terimaan hasil bagi bayaran perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian yang telah dikutip mulai 1 Januari 2012 sehingga sekarang dan diperakaunkan di bawah kod-kod yang lama hendaklah dibuat pelarasan dan diperakaunkan di bawah kod-kod hasil yang baru.

#### 4. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



(WONG FOONG LAI)  
Setiausaha Bahagian Kewangan  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : 9 Januari 2012



**s.k**

Ketua Setiausaha

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi

Setiausaha Bahagian Akaun

Ketua Cawangan Audit Dalam

KOD TERIMAAN HASIL PERUBATAN, KESIHATAN DAN PERIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAMPIRAN A

| BUTIRAN AM | BUTIRAN SEBAGAI | NAMA                                                                                                                                                        | BUTIRAN LANJUT |
|------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 70000      | 72000           | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Luar Warganegara Malaysia                                                               | 72110          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Kesihatan Pesakit Luar Warganegara Malaysia                                                                          | 72111          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Pergigian Pesakit Luar Warganegara Malaysia                                                                          | 72112          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Luar - Warganegara Asing                                                                | 72113          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Kesihatan Pesakit Luar - Warganegara Asing                                                                           | 72114          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Pergigian Pesakit Luar - Warganegara Asing                                                                           | 72115          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas Eksekutif- Orang Awam Warganegara Malaysia                                  | 72116          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 1- Orang Awam Warganegara Malaysia                                          | 72117          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 2- Orang Awam Warganegara Malaysia                                          | 72118          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 3- Orang Awam Warganegara Malaysia                                          | 72119          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas Eksekutif- Syarikat Swasta/Yang Mempunyai Jaminan Bank Warganegara Malaysia | 72120          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 1- Syarikat Swasta/Yang Mempunyai Jaminan Bank Warganegara Malaysia         | 72121          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 2- Syarikat Swasta/Yang Mempunyai Jaminan Bank Warganegara Malaysia         | 72122          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 3- Syarikat Swasta/Yang Mempunyai Jaminan Bank Warganegara Malaysia         | 72123          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas Eksekutif- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Malaysia                    | 72124          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 1- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Malaysia                            | 72125          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 2- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Malaysia                            | 72126          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 3- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Malaysia                            | 72127          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pesakit Dalam - Warganegara Malaysia                                                                | 72128          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Klinik Pergigian Pesakit Dalam - Warganegara Malaysia                                                                | 72129          |



| BUTIRAN AM | BUTIRAN SEBAGAI | NAMA                                                                                                                                                                                                    | BUTIRAN LANJUT |
|------------|-----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 70000      | 72000           | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 1- Warganegara Asing Yang Dilindungi Di Bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPKPPA)               | 72131          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 2- Warganegara Asing Yang Dilindungi Di Bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPKPPA)               | 72132          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 3- Warganegara Asing Yang Dilindungi Di Bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPKPPA)               | 72133          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas Eksekutif- Warganegara Asing Yang Tidak Dilindungi Di Bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPKPPA) | 72134          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 1- Warganegara Asing Yang Tidak Dilindungi Di Bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPKPPA)         | 72135          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 2- Warganegara Asing Yang Tidak Dilindungi Di Bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPKPPA)         | 72136          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 3- Warganegara Asing Yang Tidak Dilindungi Di Bawah Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPKPPA)         | 72137          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas Eksekutif- UNHCR                                                                                                        | 72138          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 1- UNHCR                                                                                                                | 72139          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 2- UNHCR                                                                                                                | 72140          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 3- UNHCR                                                                                                                | 72141          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas Eksekutif- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Asing                                                                   | 72142          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 1- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Asing                                                                           | 72143          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 2- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Asing                                                                           | 72144          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Perubatan (Hospital) Pesakit Dalam Kelas 3- Badan Berkanun/IPTA/IPTS Warganegara Asing                                                                           | 72145          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pesakit Dalam - Warganegara Asing                                                                                                               | 72146          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Klinik Pergigian Pesakit Dalam - Warganegara Asing                                                                                                               | 72147          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh - Warganegara Malaysia                                                                                                                       | 72148          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh - Warganegara Asing                                                                                                                          | 72149          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran Pembekalan Darah                                                                                                                                                              | 72150          |
|            |                 | Bayaran Iktisas - Bayaran- bayaran Iktisas Yang Lain                                                                                                                                                    | 72199          |